

06/10/1999

Mahathir hairan Anwar terima ramai pelawat

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hairan bagaimana bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, boleh berada begitu lama di wad Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dan menerima ramai pelawat.

"Saya hairan dia duduk lama sangat di hospital. Saya tak tahu apa dibuatnya. Adakah dia sakit di hospital itu?"

Perdana Menteri yang menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) '99 di sini hari ini, juga hairan bagaimana Anwar boleh menerima ramai pelawat selama di hospital itu.

"Kalau dia sakit macam saya sakit hari itu, tentu tak ada ramai pelawat. Orang yang dikunjungi ramai pelawat ini, tak berapa sakit kot... bolehlah pergi mahkamah," kata Dr Mahathir yang pada awal tahun ini dimasukkan ke Institut Jantung Negara sekembalinya dari Makkah.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa Anwar tidak mengalami keracunan arsenik.

Menurut laporan pemeriksaan HUKM yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini, Anwar tidak mengalami keracunan arsenik atau kronik.

Laporan pemeriksaan bertarih 4 Oktober itu juga mengesahkan Anwar tidak mengalami penyakit seperti Aids/HIV, kegagalan ginjal, diabetes, tirotoksikosis, anemia kronik, TB atau penyakit barah yang menjadi punca gejala yang dialaminya.

Isu keracunan arsenik itu ditimbulkan peguam Karpal Singh berdasarkan keputusan ujian sampel air kencing Anwar yang dilakukan di sebuah makmal di Melbourne, Australia, menggunakan nama samaran Subramaniam.

Berikutan dakwaan itu, Mahkamah Tinggi pada 10 September lalu menengguhkan perbicaraan kes Anwar berhubung tuduhan liwat, dan memerintahkan bekas timbalan perdana menteri itu menjalani rawatan dan pemeriksaan di HUKM.

Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah, dibenarkan keluar dari HUKM semalam dan dihantar semula ke Penjara Sungai Buloh selepas tiga minggu dimasukkan ke wad hospital berkenaan.

(END)